

9 teras strategik Pelan Induk Johor

Pasukan penyelidik empat universiti angkat aspek tamadun Melayu Johor

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Johor menjadi negeri pertama merangka dan melancarkan Pelan Induk Pusat Tamadun Melayu Antarabangsa sebagai usaha ke arah membangunkan dan mendokumentasi secara teratur mengenai sejarah dan kejayaan bangsa itu.

Menteri Besar, Datuk Hasni Mohammad, berkata pelan mempunyai sembilan teras strategik itu merangkumi semua aspek penting dalam pembangunan dan pemerksaan Tamadun Melayu Johor.

Sembilan aspek itu, katanya, adalah Institusi Islam dan Kesultanan Melayu, ekonomi Melayu, iltizam politik, Bahasa dan Persuratan Melayu, Pelancongan Warisan dan Budaya, warisan budaya Johor, pendidikan dan pengislahan awam, pustaka warisan digital dan kepemimpinan Melayu Johor.

“Semua teras strategik ini dapat mewakili semua aspek penting dalam pembangunan dan pemerka-

aan Tamadun Melayu Johor itu sendiri.

“Pelan Induk Johor dibangun dan dijayakan oleh pasukan penggubal dan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

“Bagi menjayakannya, konsep ‘Projek Berjenama’ diperkenalkan, bertujuan mengangkat aspek tamadun Melayu Johor melalui aktiviti berterusan, malah kerjasama dengan Melayu Nusantara terutama di Brunei, Indonesia, Singapura dan Selatan Thailand akan dijalankan dengan lebih rapat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran buku Pelan Induk Johor sebagai Pusat Tamadun Melayu Antarabangsa 2021-2025, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor, Suhaizan Kaiat, Penggerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya Johor,



Hasni menunjukkan buku Pelan Induk Johor pada majlis pelancaran di Johor Bahru, semalam.

(Foto BERNAMA)

Mazlan Bujang dan Ketua Penyeilaras Projek, Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain.

Sementara itu, Hasni berkata, kerajaan negeri memutuskan untuk menangguhkan sementara semua program, mesyuarat dan aktiviti berskala besar di negeri itu berikutan peningkatan kes COVID-19 di negara ini.

Katanya, keputusan itu diper-

setujui pada mesyuarat mingguan EXCO Negeri Johor, kelmarin.

“Semalam (kelmarin), kita ber-setuju untuk tumpu kepada program, aktiviti dan mesyuarat ber-skala kecil dan penting saja.

“Program serta mesyuarat be-sar perlu kita tangguh kerana bimbang rakyat Johor menjadi terbiasa berada dalam kelompok yang ramai sekali gus tidak lagi

mengambil berat prosedur ope-rasi standard (SOP) yang perlu sentiasa diamalkan.

“Biarlah kerajaan Johor menjadi contoh untuk menangguhkan dulu semua program besar yang dirancang dan kita berharap org-anisasi swasta serta rakyat me-ngikuti jejak langkah ini bagi me-ngekang penularan COVID-19 di negeri ini,” katanya.